



utusan 24/6/13 ms 2

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriq.ahmad@utusan.com.my

Cabaran industri lembu tenusu

Permintaan tinggi tidak dapat membantu meningkatkan pengeluaran

JIKA diperhatikan, industri lembu tenusu luar negara berkembang dengan begitu baik dan pesat.

Apa jua kaedah yang digunakan membuahkan hasil. Sama ada kaedah tradisional mahu pun moden.

Melihat kepada kejayaan negara-negara luar itu, usahawan-usahawan lembu tenusu tempatan wajar menjadikan senario tersebut sebagai pencetus semangat dan iltizam meningkatkan industri terbabit.

Habis segala modal dilaburkan, baka

Habis segala modal dilaburkan, baka lembu terbaik luar negara dibeli bagi menjamin pulangan yang lumayan. Namun hasil yang diperolehi tidak seperti yang dijangka.



**DR. A.
SASHIKANNAN**

Sashikannan, biarpun permintaan susu segar amat tinggi di negara ini, namun pelbagai cabaran perlu dihadapi pengusaha ternakan tersebut.

“Antaranya adalah kadar harga susu segar yang tidak stabil kerana bergantung kepada kualiti susu yang diperah.

“Kualiti susu pula amat bergantung kepada tadbir urus dalam proses pengumpulan susu,” katanya ketika ditemui pada Program Transformasi

Kualiti Susu Penternak Malaysia di Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Jelas Dr. Sashikannan, susu segar mudah rosak jika tidak disejukkan dengan segera. Keadaan tersebut juga menyebabkan kualiti susu akan menurun.

“Apabila kualiti menurun, harga susu akan menurun kerana dijual berdasarkan kualiti.

“Oleh yang demikian sistem pengurusan pengumpulan susu yang bersepadu perlu dikaji semula bagi membolehkan susu yang diperah dapat dihantar secepat mungkin ke pusat pengumpulan bagi mengekalkan kualitinya,” katanya.

Namun, apa yang terjadi, akibat kekangan masa serta pusat pengumpulan yang terhad serta terletak jauh daripada ladang, menjadikan proses pengumpulan susu memakan masa.

Akibat terdedah pada suhu yang tinggi terlalu lama, akhirnya kualiti susu segar menurun.

Antara cabaran lain yang dihadapi pengusaha lembu tenusu adalah kos pengeluaran susu segar telah meningkat.

Ujar Dr. Sashikannan, kos



pengeluaran tersebut meningkat seiring dengan peningkatan kos makanan haiwan.

“Selain itu, untuk mendapatkan baka lembu tenusu yang berkualiti tinggi juga amat sukar menjadikan industri ini

berjalan agak perlahan di negara ini,” katanya.

Ini belum ditambah dengan faktor pemilikan hartanah yang berharga tinggi menjadikan sektor tersebut semakin dihimpit kepayahan.

Keadaan keluasan tanah pertanian yang semakin terhad menghalang pengusaha lembu tenusu untuk membina ladang ternakan yang lebih selesa sekali gus tidak mampu menggalakkan pengeluaran susu segar.

Pengusaha-pengusaha lembu tenusu terpaksa berpuas hati dengan sebidang tanah yang terletak jauh ke pedalaman berikutan kawasan tanah yang ideal untuk projek ternakan lembu tenusu pasti berharga tinggi.

Kawasan ladang yang terlalu jauh pastinya memberi kesan secara teres apabila susu segar yang diperolehi akan memakan masa untuk dihantar ke pusat pengumpulan sekali gus kualitinya akan menurun.

Bagaimanapun menurut Dr. Sashikannan, Jabatan Pertanian telah banyak membantu mereka biarpun kadang kala bantuan yang diterima lambat sampai ke tangan penternak.

Tambah Dr. Sashikannan, bagi mendapatkan harga yang baik, tahap piawaian mesti berada pada tahap skala satu 500 ribu hingga satu juta TPC (*Total Plate Count*).

"Jika TPC lagi kurang, susu lebih baik dan harga juga lebih mahal.

"Kini susu dijual pada kadar harga RM2 hingga RM2.70 seliter," katanya.

Antara cadangan yang diberikan oleh pengerusi KPTJB itu adalah, kerajaan boleh mewujudkan koloni penternak lembu tenusu bagi memudahkan pengumpulan susu segar dilakukan.

Sebagai contoh bagi 50 orang penternak perlu ditempatkan di dalam kawasan seluas 10 ekar yang mana mereka akan dibahagi-bahagikan mengikut jumlah ternakan.

Kemudian, pengumpulan boleh dilakukan secara serentak dan penghantaran susu ke pusat pengumpulan juga lebih pantas.

"Buat masa ini tiada kawasan khas



KUALITI susu lembu yang dihasilkan bergantung kepada tadbir urus proses pengumpulan.

utusan 24/6/13 MS3.



Info

- Sehingga 2012 sebanyak 806 penternak yang telah berdaftar dengan PPIT yang mencatatkan purata pengeluaran susu sebanyak 18 juta liter setahun.
- Antara kualiti susu yang dicatatkan adalah mengikut gred iaitu gred AA adalah sebanyak 2.2 juta liter pada kadar 37.94 peratus, gred A, 800,000 liter pada kadar 15 peratus dan gred A- adalah 2.7 juta liter pada kadar 47 peratus.
- Di bawah EPP 13, pengeluaran susu segar negara disasarkan akan meningkat daripada 24 juta liter pada tahun 2010 kepada 70 juta liter pada tahun 2020.



Kerajaan prihatin isu penternak

JABATAN Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedar dan memahami isu yang dialami oleh penternak tempatan.

Timbalan Ketua Pengarah JPV, **Datuk Dr. Ibrahim Che' Embong** berkata, kerajaan amat prihatin dengan nasib para penternak di negara ini.

"Antara program yang dilaksanakan adalah seperti program latihan bersiri kepada penternak tenusu di negara ini pada setiap tahun bagi meningkatkan pengeluaran serta kualiti susu.

"Program tersebut secara langsung dapat meningkatkan pengeluaran serta kualiti susu segar serta produk tenusu," katanya.

Jelas Dr. Ibrahim, usaha mengadakan program sedemikian adalah selaras dengan usaha negara dalam mencapai sasaran negara maju pada tahun 2020 khususnya dalam membentuk satu sistem pengurusan yang mantap.

Rantainya pengeluaran ternakan bermula daripada pengurusan sehingga ke meja makan perlu mencapai tahap kualiti serta piawaian yang selaras dengan cita rasa pengguna.

JPV sememangnya bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) di seluruh negara serta menyediakan pelbagai program pengembangan veterinar.

"Program tersebut termasuklah dalam bentuk khidmat rundingan dan teknikal kepada para penternak, menyediakan perkhidmatan logistik dan penyimpanan susu serta peralatan dan kemudahan lain selain daripada kemudahan makmal bagi menguji susu," katanya.

Buat masa ini tiada kawasan khas diperuntukkan untuk penternak menyebabkan mereka mencari kawasan sendiri dan berada jauh di antara satu sama lain menyebabkan proses pengumpulan berjalan dengan perlahan.

“Kami di pihak penternak juga

faham dengan situasi masa kini yang mana harga tanah pertanian juga telah meningkat dan amat mahal, namun kami memohon jasa baik kerajaan untuk membantu penternak,” katanya.



TEKNOLOGI terkini mampu memastikan kualiti susu segar terjamin.



BAKA lembu tenusu yang baik mampu menghasilkan kualiti susu yang terbaik.

stasi, katanya.
JPV juga merupakan pihak berkuasa yang memberi kelulusan import serta eksport terhadap hampir ke semua produk tenusu ke dalam atau ke luar negara.

Kata Dr. Ibrahim, industri tenusu negara masa kini masih jauh dan belum mencapai tahap sara diri.

Kerajaan bagaimanapun sentiasa mengambil langkah positif untuk meningkatkan pengeluaran susu segar bagi mencapai tahap sara diri daripada lima peratus kepada tujuh peratus pada tahun 2020.

Oleh yang demikian bagi menjayakan program-program yang diadakan, pelbagai aktiviti dan insentif telah dan akan dilaksanakan turut melibatkan pihak swasta sebagai syarikat peneraju.

Antara sebahagian program yang dilakukan adalah Program Transformasi Kualiti Susu Penternak Malaysia baru-baru ini yang merupakan salah satu program untuk memantapkan kualiti susu segar serta perkongsian kepakaran teknikal kepada para penternak.

Malah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi JPV telah banyak merencanakan program bagi meningkatkan pengeluaran susu segar negara di bawah Program Transformasi Ekonomi, Projek Permulaan atau Entry Point Project (EPP 13).



DR. IBRAHIM CHE' EMBONG